



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 14 NOVEMBER 2022**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------------|---|---|
| 1. | 3,000KG OF FROZEN OXTAIL FROM BRAZIL SEIZED, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 2. | MAQIS RAMPAS EKOR LEMBU RM76,000, LOKAL, HM -17 | |
| 3. | TIGA TAN EKOR LEMBU SEJUK BEKU DARI BRAZIL DIRAMPAS, NEGERI P.PINANG, SH -34 | |
| 4. | AGROBANK BUKAN SEKADAR UNTUK PERTANIAN, EKONOMI, UM -39 | AGROBANK |
| 5. | MUSIM TENGGUJUH: NELAYAN CARI REZEKI LAIN SARA KELUARGA, DALAM NEGERI, UM -36 | LAIN-LAIN |
| 6. | GIATKAN R&D TEKNOLOGI PERTANIAN ATASI KEBERGANTUNGAN IMPORT, KOMENTAR, BH -11 | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

3,000kg of frozen oxtail from Brazil seized

BUTTERWORTH: The Penang Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) on Friday seized 3,000kg of frozen beef products imported from Brazil worth RM76,000 for having inaccurate and misleading information.

Its director, Muhammad Ikram Abd Talib, said 120 boxes of frozen ox offal tail were seized following inspections on a container at the North Butterworth Container Terminal.

"The inspection found that the consignment had inaccurate and misleading information. All the products were seized for further investigation," he said in a statement yesterday.

He added that the case was being investigated under Section 13 of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011.

Muhammad Ikram said Maqis would continue to conduct regular inspections of agricultural products at every entry points to ensure plants, animals, carcasses, fish, agricultural products and micro-organisms imported into the country are free from pests, diseases and contaminants. The products must also comply with the conditions and regulations set by the government.

- Bernama

Maqis rampas ekor lembu RM76,000

Butterworth: Gara-gara menggunakan maklumat mengenai jantina, jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Pulau Pinang menyita 120 kotak mengandungi ekor lembu sejuk beku dari Brazil dalam pemeriksaan di Pelabuhan Pangkalan Kontena Utara Butterworth (NBCT) di sini, Khamis lalu.

Pengarah Maqis negeri, Muhammad Ikram Abd Talib berkata, pihaknya yang menjalankan pemeriksaan rutin menemukan sebuah kontena yang membawa dagingan ekor lembu berkegunaan. Katanya, siasatan lanjut mendapati terdapat 3,000 bahagian atau keratan ekor lembu yang dianggarkan bernilai RM76,000 dibawa masuk menggunakan maklumat yang tidak tepat dan mengelirukan.

"Berikutan itu, kesemua dagangan itu ditahan untuk tindakan selanjutnya," katanya dalam satu kenyataan di

sini, semalam.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Dalam akta ini, adalah mana-mana orang yang memberikan maklumat yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan keluaran pertanian.

"Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipen-

jara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya sekali," katanya.

Menurutnya, Maqis sentiasa melakukan pemeriksaan keluaran pertanian di setiap pintu masuk negara bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma yang diimport ke dalam negara bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan kerajaan.



MAQIS sita 120 kotak ekor lembu dari Brazil di Pelabuhan Pangkalan Kontena Utara Butterworth (NBCT).

14/11/2022

SINAR
HARIANNEGERI
P.PINANG

34

Tiga tan ekor lembu sejuk beku dari Brazil dirampas



Pegawai Maqis melakukan pemeriksaan pada kontena yang membawa muatan daging lembu sejuk beku dari Brazil.

BUTTERWORTH - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas 120 kotak atau 3,000 kilogram (bersamaan tiga tan) produk lembu sejuk beku yang diimport dari negara Brazil di Pelabuhan Pangkalan Kontena Utara Butterworth (NBCT), di sini pada Khamis lalu.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Muhammad Ikram Abd Talib berkata, hasil pemeriksaan mendapati, keseluruhan dagangan yang diimport adalah bahagian lembu seperti ekor lembu sejuk beku yang dianggarkan bernilai RM76,000.

Menurutnya, kesemua dagangan tersebut ditahan oleh Maqis selepas mendapati maklumat yang tidak tepat serta mengelirukan.

“Kes akan disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan

Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] iaitu mana-mana orang yang memberikan maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan keluaran pertanian adalah suatu kesalahan.

“Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya sekali,” katanya menerusi kenyataan di sini, pada Ahad.

Muhammad Ikram berkata, pihaknya sentiasa melakukan pemeriksaan keluaran pertanian di setiap pintu masuk negara bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar, serta mematuhi syarat yang ditetapkan.

Agrobank bukan sekadar untuk pertanian

MUKADIMAH

JIKA menyebut mengenai Agrobank, kebanyakan daripada kita hanya mengaitkan industri perbankan itu untuk pertanian sahaja. Bagaimanapun, Agrobank sebenarnya memainkan peranan lebih besar daripada itu.

Ini kerana, Agrobank bukan sahaja menyediakan dana pinjaman untuk petani, malah apa sahaja yang berkaitan dengan keselamatan makanan negara termasuk pemrosesan makanan, pengeluaran dan sebagainya.

Ikuti temu bual wartawan *Utusan Malaysia*, **NURFARAHIN HUSSIN** bersama Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, **TENGGU AHMAD BADLI SHAH RAJA HUSSIN** mengenai Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM).



UTUSAN: Boleh ceritakan lebih lanjut mengenai DPAKM?

TENGGU AHMAD BADLI SHAH: DPAKM menawarkan kemudahan pembiayaan khusus untuk enara segmen iaitu ternakan ayam, ternakan ruminan (lembu dan kambing), penanaman sayur-sayuran, usahawan mikro, usahawan mikro baharu dan usahawan muda.

Selepas kehadiran Covid-19, telah berlaku beberapa insiden politik dunia yang menggugat pengeluaran makanan seperti peperangan Russia-Ukraine. Isu ini perlu ditangani segera supaya bekalan makanan negara sentiasa mencukupi.

DPAKM menawarkan tempoh pembiayaan sehingga 8.5 tahun pada kadar keuntungan serendah tiga peratus. Kadar ini sangat menarik berbanding kadar keuntungan pembiayaan biasa yang diberikan kepada industri pengeluaran makanan, iaitu sekitar 6.75 peratus.

Selain itu, pada enam bulan pertama, moratorium diberikan secara automatik pada kadar keuntungan 0 peratus, jadi pelanggan akan mula dikenakan kadar keuntungan bermula bulan ketujuh pembiayaan.

Tempoh moratorium memberi ruang pada usahawan untuk mengatur strategi sambil menimba ilmu dan pengalaman dalam selok-belok dunia perniagaan serta menstabilkan modal pusingan sebelum memulakan pembayaran semula pembiayaan.

Apakah keistimewaan dana ini?

Tempoh moratorium adalah

keistimewaannya. Ini kerana kami tidak mahu membebani usahawan dengan tekanan untuk terus membuat bayaran pembiayaan sebaik sahaja dana tersebut diluluskan dan akhirnya mereka gagal dalam perniagaan yang mereka baru usahakan.

Bagi mereka yang baru sahaja terlibat dalam perniagaan makanan atau usahawan muda mahupun mereka yang mempunyai minat untuk memulakan perniagaan makanan, mereka boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Pusat Keceperlangan Agrobank (ACE) untuk pelbagai cabang khidmat nasihat termasuk untuk mengetahui rancangan pengurusan perniagaan atau aliran tunai.

Bagaimana sambutan sejak program dilancarkan?

Dalam tempoh tiga bulan dilancarkan, saya boleh katakan program ini mendapat sambutan memberangsangkan. Namun, secara umumnya masyarakat masih kurang pengetahuan tentang di mana mereka boleh mendapatkan bantuan kewangan bagi tujuan meningkatkan perniagaan.

Mereka juga lebih cenderung melihat Agrobank hanya sebagai bank pertanian sedangkan ia jauh lebih besar daripada itu. Kita tidak hanya memfokuskan perniagaan pertanian sahaja. Kita menawarkan pembiayaan kepada hampir semua perniagaan yang melibatkan keselamatan makanan seperti restoran, pembungkusan makanan dan sebagainya.

Bagi jumlah kelulusan, se-



DPAKM menawarkan tempoh pembiayaan sehingga 8.5 tahun pada kadar keuntungan serendah tiga peratus. Kadar ini sangat menarik berbanding kadar keuntungan pembiayaan biasa."

takat 30 September 2022, kami telah meluluskan sebanyak 1,326 permohonan melibatkan pembiayaan berjumlah RM109.4 juta. Kami turut menerima 2,436 permohonan yang lengkap untuk dipertimbangkan, melibatkan jumlah pembiayaan RM269.3 juta.

Kami juga telah menerima pertanyaan untuk memohon dana melibatkan jumlah pembiayaan RM570 juta, namun permohonan mereka belum dihantar. Kami menyasarkan keseluruhan dana berjumlah RM800 juta di bawah DPAKM ini dapat dihabiskan menjelang hujung tahun ini.

Segmen yang mana melibatkan pengagihan lebih besar?

Daripada enam segmen yang difokuskan iaitu untuk ternakan ayam, kambing dan

lembu, tanam sayur serta usahawan mikro, mikro baharu dan usahawan muda bagi program pembiayaan DPAKM ini, segmen usahawan mikro mencatatkan pengagihan terbesar, dengan jumlah pembayaran keseluruhan berjumlah RM35.5 juta menerusi sebanyak 1,870 jumlah permohonan.

Situasi ini didorong faktor potensi industri pertanian dan agromakanan yang terus kekal berdaya saing dan berupaya membawa impak yang positif kepada ekonomi, sekali gus memperkukuhkan keselamatan makanan negara selaras dengan prinsip pengantaraan berasaskan nilai (VB) yang diamalkan Agrobank.

Ini selari dengan peranan yang dimainkan oleh Agrobank sebagai sebuah institusi kewangan yang bertanggungjawab, dalam sinergi memperkukuhkan sekuriti makanan di Malaysia bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), untuk bertanggungjawab dengan mendukung pembiayaan keterangkuman kewangan yang mampan kepada pengusaha perniagaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Adakah ini produk terbaik pernah ditawarkan oleh Agrobank?

Agrobank merupakan sebuah IKP yang bertapak di Malaysia sejak 1969 dan tahun ini adalah tahun ke-53 Agrobank memenuh tanggungjawab dan mandatnya kepada kerajaan untuk mendukung dan menyokong industri pertanian dan makanan negara, termasuklah komuniti

pertanian.

Kami di Agrobank bertanggungjawab untuk mengukuhkan sektor pertanian menerusi produk dan solusi kewangan patuh syariah yang menyeluruh untuk komuniti pertanian merangkumi aktiviti huluhan seperti bekalan input pengeluaran pertanian dan aktiviti hiliran seperti pemrosesan, pemasaran dan jualan produk pertanian.

Selain menyediakan rangkaian perkhidmatan yang komprehensif untuk menyokong rantaian nilai penuh aktiviti pertanian, kami juga mempunyai peranan besar untuk dimainkan dari segi meningkatkan kesejahteraan komuniti pertanian melalui rangkuman kewangan dan aktiviti pembangunan usahawan.

Rangkaian cawangan fizikal kami adalah unik kerana ia direka untuk menyediakan akses mudah kepada komuniti pertanian di kawasan luar bandar. Sebanyak 65 peratus daripada 207 rangkaian perbankan kami berada di kawasan luar bandar. Bagi pelanggan yang tinggal di kawasan yang lebih terpencil dan mempunyai akses perkhidmatan kewangan yang terhad, kami juga mempunyai rangkaian 446 ejen perbankan (Agro Agents) yang membolehkan kami menyediakan perkhidmatan kewangan yang terbaik.

Kami juga berusaha untuk meningkatkan keupayaan digital kami untuk menyediakan pelanggan kami dengan cara yang lebih mudah untuk mengakses portfolio perkhidmatan perbankan kami yang semakin meningkat.

14/11/2022

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

36

Musim tengkujuh: Nelayan cari rezeki lain sara keluarga

Oleh **KAMALIZA KAMARUDDIN**
utusannews@mediamula.com.my

KUALA TERENGGANU: Golongan nelayan di Terengganu terutama kategori pesisir pantai terpaksa melakukan pelbagai pekerjaan yang lain setiap kali tiba musim tengkujuh untuk mencari pendapatan tambahan bagi menara keluarga mereka.

Ini kerana mereka tidak dapat turun ke laut seperti biasa berikutan angin kencang, ombak dan gelombang yang kuat memberi risiko terhadap keselamatan nyawa menyebabkan pendapatan mereka terjejas lebih 50 peratus.

Seorang nelayan di Kampung Kuala Abang, Dungun, Armi Ali, 51 berkata, beliau hanya ke laut sekali atau dua kali sahaja dalam tempoh seminggu sepanjang musim tengkujuh, bergantung kepada cuaca harian kerana bimbang keselamatannya.

"Kalau hujan terlalu lebat dan angin kuat, saya tidak akan keluar menangkap ikan sebaliknya hanya duduk di rumah membaiki bubu atau pukat yang rosak.

"Ada juga kawan-kawan ne-



SEKUMPULAN nelayan mengisi masa lapang dengan menjahit pukat selepas tidak dapat keluar menangkap ikan pada musim tengkujuh di Kampung Seberang Marang, Marang. - **UTUSAN/PUKTRA HAIRY ROSLI**

layan yang lain ambil upah mesin rumput, buat kerja tukang rumah di kampung atau jadi pembantu kedai makan di mana-mana warung saudara atau kawan yang berdekatan.

"Pendek kata, apa sahaja pekerjaan sementara yang boleh dibuat ketika tengkujuh, ne-

turun ke laut sekiranya cuaca mengizinkan.

"Memang ada yang cari pendapatan lain untuk sementara waktu macam ambil upah mengurur, buat kerja-kerja kampong, tapi jika cuaca panas sehari dua, pasti akan turun juga ke laut kerana tangkapan agak banyak.

"Ada lah kaedah perkiraan kami untuk turun ke laut ni, tengok waktu anak bujan, arah angin dan ikut juga ramalan Jabatan Meteorologi berkaitan fenomena cuaca yang dijangka berlaku.

"Setakat ini, Alhamdulillah rezeki yang ada masih mencukupi, terima kasih juga kepada kerajaan kerana memberi bantuan bulanan RM300 untuk kami, dapat lah bertahan sementara waktu sepanjang tempoh yang sukar ini," katanya.

Sementara itu, seorang nelayan kategori zon B, Bahiyudin Awang @ Harun, 36, pula berkata, dia masih mampu turun ke laut kerana bot yang digunakan bersaiz besar, dilengkapi peralatan keselamatan dan alat komunikasi seperti yang disaran Jabatan Perikanan.

14/11/2022

BERITA
HARIAN

KOMENTAR

11

Giatkan R&D teknologi pertanian atasi kebergantungan import



Pegawai Penyelidik di Institut Kajian & Pembangunan Desar (IRPD)

Gheh Mithasamud Syahmi Rosli
bhrencana@bh.com.my

Isu kenaikan harga bahan mentah, terutama ayam dan telur sudah lama dibangkitkan. Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP), Datuk Seri Alexander Nantia Ling-NHEP, ia disebabkan kebergantungan penternakan ayam daging dan ayam telur terhadap soya serta jagung dari negara luar seperti Argentina dan Brazil.

Dengan ekonomi global tidak menentu, harga makanan ayam itu juga meningkat menyebabkan kenaikan harga sukar dikawal. Ini perlu dititikberatkan kerana daging dan telur ayam menjadi makanan harian rakyat dan Malaysia negara ketiga tertinggi pengambilan sumber protein ini.

Justeru, kerajaan perlu meneliti semula subsidi dan harga siling ditetapkan. Pengumuman paman-suhan harga kawalan siling ayam, telur dan mi-nyak berkuat kuasa 1 Julai lalu memberi ruang kepada pembekal bahan menetapkan harga pasaran berdasarkan peningkatan kos pengeluaran.

Belum sempat harga kawalan siling itu dimansuhkan, kerajaan menerima banyak laporan dan aduan berkenaan segelintir pembekal menyimpan stok ayam dan ada yang meningkatkan harga ayam hingga lebih RM10 sekilogram.

KPDNHEP menetapkan harga kawalan siling baharu, iaitu RM9.40 sekilogram berbanding sebelum ini RM8.90 sekilogram berkuat kuasa 1 Julai lalu hingga kini. Ini boleh disifatkan kawalan semem-tara kerana masih tidak menangani masalah utama dalam peningkatan harga bahan mentah. Benar-kerajaan dapat mengurangkan beban rakyat, tetapi memberi tekanan besar kepada pembekal kerana kos pengeluaran ayam meningkat.

Justeru, kerajaan menerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengkaji penggunaan isirung kelapa sawit (PKC) sebagai alternatif makana-nyan ayam. Biasanya PKC digunakan sebagai ma-


kanan haiwan tenusu seperti lembu dan kambing kerana mengandungi serat tinggi dan tidak sesuai untuk ayam.

Namun, kumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menghasilkan dedak ternakan berkualiti dikenali, Thohira. Menurut Ketua Penyelidik dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Molekul UPM, Prof Dr Shuhaimi Mustafa, teknologi itu berasaskan formula sisa isirung kelapa sawit bersama mikrokapsul mikroorganisma yang dapat menghasilkan pelbagai enzim, protein dan meta-bolit yang berkemampuan meningkatkan kandun-angan nutrisi serta prebiotik makanan ternakan.

Ironinya, kajian ini dilakukan sejak 2017, tetapi rungutan harga dedak meningkat masih lagi menjadi buaian penternak. Seharusnya penternak perlu menandatangani seritus terhadap usaha dilakukan kerana perkembangan teknologi semasa dapat mengurangkan kebergantungan terhadap jagung bijirin dan soya import.

Manfaat untuk projek PKC

Kerjasama antara Perhubungan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) untuk mengusahakan tanaman jagung bijirin bagi mengurangkan



Walaupun

penyelidikan PKC, jagung bijirin dan soya masih lagi diperlukan dalam ramuan dedak ayam. Subsidi dedak ayam boleh dipertimbang kerajaan

kebergantungan terhadap bekalan negara luar amat bermakna.

NAFAS mengenal pasti kawasan seluas 12,140 hektar di Kelantan dan Terengganu. ANGKASA pula mengenal pasti kawasan seluas 4,000 hektar di seluruh negara dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Kerjasama antara kerajaan Negeri Sembilan menerusi Menteri Besar Dipertadankan (MBI) dan usahawan Selangor melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) membangunkan tapak projek ternakan lembu National Feedlot Corporation (NFC) terbengkalai di Gemas dengan tanaman jagung bijirin juga perlu kita perhatikan.

Kedua-dua usaha jangka panjang ini akan memberi impak besar dalam mengurangkan kebergantungan bekalan makanan ayam import, sekali gus permulaan baik menghadapi masalah kenaikan harga bahan mentah.

Di sebalik pelbagai usaha dijalankan, pasti ada kekurangan perlu diatasi. Walaupun penyelidikan PKC, jagung bijirin dan soya masih lagi diperlukan dalam ramuan dedak ayam. Subsidi dedak ayam boleh dipertimbangkan kerajaan sementara men-nunggu negara mencapai tahap kebergantungan rendah terhadap negara luar.

Kerajaan juga perlu menggalakkan lagi penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi pertanian serta meningkatkan kajian penyelidikan dan saintis tempatan. Ini akan meningkatkan lagi kualiti pertanian dalam negara dan menggalakkan lagi penemuan baharu teknologi pertanian.

Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) 2022 di-bangunkan The Economist Intelligence Unit di London menunjukkan skor rendah oleh kerajaan dalam perbelanjaan R&D bidang pertanian, iaitu skor 14.1 berbanding 29.2, iaitu purata skor dunia.

Tidak dinafikan fokus kerajaan kepada penana-man kelapa sawit dan getah memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi, tetapi tidak seharusnya menututi sebelah mata kepada pena-naman lain yang memberi manfaat kepada negara, terutama dalam aspek sekuriti makanan.